



SIARAN MEDIA

SISTEM INFOBANJIR MANTAPKAN MEKANISME PENGURUSAN BENCANA

NILAI, 11 OKTOBER 2016 – Pengalaman menghadapi bencana banjir yang melanda hampir saban tahun telah mendorong Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk menghasilkan satu rekacipta inovasi dalam mekanisme pengurusan bencana. Projek inovasi yang dibangunkan pada tahun 2013 ini adalah kerjasama pegawai dan kakitangan daripada Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri (JKMN) Terengganu dan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) Marang.

Menurut Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YBhg Dato' Hj Azidah Datuk Seri Panglima Hj Mohd Dun, InfoBanjir merupakan satu sistem berkenaan pengurusan maklumat bencana seperti pusat pemindahan, statistik mangsa yang berpindah, *helipad*, talian kecemasan, paras air serta panduan pengiraan stok makanan dan keperluan harian di pusat pemindahan yang mana dapat dilayari dan dimuat turun dengan hanya dihujung jari sahaja.

“Projek yang mula dirintis pada tahun 2013 ini telah pertama kalinya digunakan pada penghujung tahun 2014 iaitu semasa bencana banjir sebagai langkah permulaan menggantikan kaedah manual pengurusan statistik banjir bagi seluruh Negeri Terengganu dan ianya boleh diakses melalui laman web rasmi JKMN dan aplikasi *Android*,” katanya kepada pemberita selepas membacakan teks ucapan perasmian Majlis Hari Inovasi JKMN Tahun 2016, di Dewan Tuanku Canselor, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), hari ini.

“Hari Inovasi seperti ini diadakan bertujuan untuk warga JKMN terus bergiat aktif dalam mencipta, membahaskan dan melaksana pelbagai idea mahupun produk yang baharu, bagi terus memartabatkan penyampaian

perkhidmatan kepada rakyat dengan lebih berkesan dan berimpak tinggi khususnya dalam situasi bencana,” tambah beliau.

“Penggunaan Sistem InfoBanjir JKM ini telah diperluaskan ke seluruh Malaysia setelah dibuat penambahbaikan dengan kos yang minima dan digunakan sepenuhnya oleh negeri-negeri dalam beberapa siri kejadian bencana banjir yang melanda sehingga September 2016,” katanya lagi.

Penggunaan sistem yang terbukti efisien dan efektif dalam memantapkan mekanisme pengurusan bencana ini telah melayakkan pengiktirafan sebagai Naib Johan Pertandingan Anugerah Inovasi Kategori Teknologi Maklumat dan Komunikasi sempena Hari Inovasi Jabatan Kebajikan Masyarakat Tahun 2014.

“Adalah menjadi harapan saya agar penganugerahan ini menjadi motivasi dan dorongan kepada Jabatan dan Agensi-agensi di bawah KPWKM untuk berusaha meningkatkan lagi kualiti penyampaian perkhidmatan melalui pelbagai inovasi yang unik dan berimpak dan semoga kemeriahan serta kegemilangan majlis pada hari ini akan membakar semangat semua pihak untuk mengintegrasikan hasil dan mengadaptasi rekaan dan ciptaan bagi memantapkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan,” tegas beliau.

Turut hadir dalam majlis tersebut YB Dato’ Norhayati Omar, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Keluarga YBrs Dr Rose Lena Lazemi, Ketua Setiausaha KPWKM, YB Datuk Hj Mat Ali Hassan, Setiausaha Ketua Negeri Sembilan, YBhg. Dato’ Hj. Zulkipli Ramli, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat, YBhg Prof Dato’ Dr. Mustafa Mohd Hanefah, Timbalan Naib Canselor USIM, pegawai-pegawai kanan KPWKM serta kakitangan.

Disediakan oleh : Jabatan Kebajikan Masyarakat
Aras 6, 9-18, No. 55
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 Putrajaya

No Telefon : 019.233 3110 (Haneem)

Tarikh dikeluarkan : 11 Oktober 2016